

LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Tawaran Awam Awal (IPO)/ Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS)-i. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am)

NAMA PRODUK:

- **PEMBIAYAAN TAWARAN AWAM AWAL (IPO)**
- **SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA (ESOS)-i**

TARIKH:

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

1. APAKAH PRODUK INI?

Produk pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Tawaran Awam Permulaan ("IPO") adalah satu kemudahan kredit yang ditawarkan kepada kakitangan syarikat yang layak untuk melanggan saham syarikat yang baru disenaraikan di Bursa Malaysia.

Skim Opsyen Saham Pekerja ("ESOS") adalah satu pakej pembiayaan yang ditawarkan kepada kakitangan syarikat awam yang terpilih untuk memohon saham syarikat yang diperuntukkan kepada mereka.

Skim ini merupakan pakej pembiayaan jangka pendek dengan tempoh antara 3 hingga 12 bulan. Margin Pembiayaan bagi skim pembiayaan ditawarkan dari 70% ke 80%.

2. APAKAH KONSEP SHARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Syariah yang digunakan ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq. Ia adalah kaedah jualan di mana kos dengan harga penambahan adalah diketahui oleh Pelanggan di mana Pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.


- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan Pelanggan.
- Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada Pelanggan dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan bank. Pelanggan membayar secara bertahap dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) demi meraih wang.
- Pihak Bank, sebagai wakil Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut amaun pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada vendor/pengeluar/rumah terbitan saham mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak eksklusif bagi pihak Pelanggan, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

3. APAKAH KADAR ASAS STANDARD (KAS)?

KAS ialah kadar rujukan biasa untuk semua bank perdagangan berkuat kuasa 1 Ogos 2022 dalam penetapan harga pembiayaan runcit baharu yang ditambah pada kadar asas, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan mulai 1 Ogos 2022.. SBR disandarkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS) (iaitu KAS = OPR) dan semua Kadar Pembiayaan Asas (KPA) dan Kadar Asas Islam (KAI) sedia ada pula ditambah kepada KAS. Dengan kata lain, KAS, KAI dan BFR akan diselaraskan seiring dengan perubahan dalam OPR seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (JDM) Bank Negara Malaysia.

4. SEJARAH KADAR ASAS STANDARD (KAS) UNTUK 3 TAHUN YANG LALU



Nota: Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR, iaitu kadar penanda aras untuk SBR

5. APAKAH YANG DAPAT SAYA PEROLEHI DARI PRODUK INI?

Anda boleh memohon pembiayaan separuh atau sepenuhnya untuk membiayai pembelian saham berdasarkan saham yang telah diperuntukan kepada anda. Bayaran yuran pembiayaan yang berkaitan seperti yuran pengendalian, yuran dagangan, duti setem, yuran CDS dan lain-lain boleh dimasukkan ke dalam jumlah pembiayaan bergantung kepada pakej pembiayaan. Ia akan ditolak dari hasil jualan atau pada akhir tempoh, mana-mana yang terdahulu. Pembayaran penuh dijangka pada akhir tempoh atau atas pelupusan saham. Kemudahan akan diberikan setelah semua dokumentasi undang-undang disempurnakan termasuk syarat-syarat pra-pembayaran, berdasarkan persetujuan pihak pengurusan. Bagi ESOS, pembiayaan boleh didapati apabila harga pasaran bagi kaunter yang diterima adalah di atas 120% daripada harga opsyen. Nisbah Margin Pembiayaan (FMR) dikira berdasarkan nisbah jumlah tertunggak terhadap jumlah nilai cagaran.

Ciri-ciri	Penerangan						
Had Pembiayaan	Minimum: RM10,000 Maksimum: Tertakluk kepada penilaian kredit						
Tempoh Pembiayaan	Minimum : 3 bulan Maksimum : Tertakluk kepada penilaian kredit						
Kadar Keuntungan Siling	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Pelanggan</th> <th>Kadar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Individu</td> <td>Kadar Asas Standard (KAS) + 7.65% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Asas Standard (KAS) ialah pada 3.00% bermula dari 8/05/2023</td> </tr> <tr> <td>Korporat</td> <td>Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 4% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Pembiayaan Asas (KPA) ialah pada 6.65% bermula dari 8/05/2023</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Pelanggan	Kadar	Individu	Kadar Asas Standard (KAS) + 7.65% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Asas Standard (KAS) ialah pada 3.00% bermula dari 8/05/2023	Korporat	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 4% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Pembiayaan Asas (KPA) ialah pada 6.65% bermula dari 8/05/2023
	Jenis Pelanggan	Kadar					
Individu	Kadar Asas Standard (KAS) + 7.65% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Asas Standard (KAS) ialah pada 3.00% bermula dari 8/05/2023						
Korporat	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 4% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Pembiayaan Asas (KPA) ialah pada 6.65% bermula dari 8/05/2023						
Kadar Keuntungan Efektif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Pelanggan</th> <th>Kadar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Individu</td> <td>Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai. Kadar adalah di antara *SBR + 2.65% kepada SBR + 5.65% setahun.</td> </tr> <tr> <td>Korporat</td> <td>Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai. Kadar adalah di antara KPA+0% kepada KPA -2.0% setahun.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAS, dengan notis bertulis kepada anda 7 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan, mengakibatkan penambahan dalam bayaran bulanan atau pemanjangan dalam tempoh pembayaran. Jika KAS berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Siling.</p>	Jenis Pelanggan	Kadar	Individu	Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai. Kadar adalah di antara *SBR + 2.65% kepada SBR + 5.65% setahun.	Korporat	Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai. Kadar adalah di antara KPA+0% kepada KPA -2.0% setahun.
Jenis Pelanggan	Kadar						
Individu	Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai. Kadar adalah di antara *SBR + 2.65% kepada SBR + 5.65% setahun.						
Korporat	Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai. Kadar adalah di antara KPA+0% kepada KPA -2.0% setahun.						

6. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?

Caj Akad Perdagangan	Jenis Pelanggan	Caj
	Individu	Yuran Individu dikecualikan dan ditanggung oleh Bank
Korporat	RM15.00 setiap RM1 juta jumlah pembiayaan.	
Duti Setem	Seperti di dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)	
Pembukaan Akaun CDS*	RM 10.00	
Caj Pengeluaran Saham	RM 20.00	
Yuran Pembrokeran (tertakluk kepada dagangan saham)	0.6% untuk dagangan ≤ RM 100,000.00	
	0.3% untuk dagangan > RM 100,000.00	
Caj Kendalian	Pembiayaan ESOS: Sehingga RM150 bagi setiap permohonan Pembiayaan IPO : Sehingga 0.5% jumlah pembiayaan	

*Central Depository System (CDS)

Nota Penting: Semua yuran di atas adalah tertakluk kepada mana-mana cukai pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan). Jika terdapat perubahan yuran dan caj daripada kami, notis akan diberi kepada anda tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

7. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Caj Bayaran Lewat 	<p>Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran tertunggak, berlandaskan mekanisme seperti di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, Caj Bayaran Lewat akan dikenakan sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak. <u>Apabila Matang</u> Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu. <p>Walaupun bagaimanapun, Caj Bayaran Lewat yang dikenakan tidak akan dikompaun kepada baki Jumlah Kemudahan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak Penyelesaian 	<p>Pihak Bank berhak menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan Bank untuk melunaskan mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini tertakluk kepada pengeluaran notis 7 hari kalendar kepada anda.</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Nisbah Margin Pembiayaan (FMR) 	<p>Jika nilai cagaran jatuh di bawah nilai yang diperlukan Nisbah Margin Kewangan (FMR), pihak Bank boleh mancairkan kedudukan/cagaran anda untuk memperbaiki kedudukan margin tanpa merujuk kepada anda. Pihak Bank mempunyai hak untuk menetapkan mana-mana baki kredit di dalam mana-mana akaun anda dengan kami bagi sebarang baki tertunggak/kerugian/kadar keuntungan yang terkumpul di dalam akaun kemudahan ini.</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar Kemungkiran 	<p>Jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan atau akaun melebihi had selama tiga (3) bulan di bawah Kemudahan ini, Bank berhak menaikkan kadar keuntungan margin kepada Kadar Asas Standard + 6.15% setahun ("Kadar Kemungkiran") untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak atau kadar keuntungan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Notis bertulis akan diberi kepada anda tidak kurang dari dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pertukaran Kadar Kemungkiran atau apa-apa kadar lain. Kadar Kemungkiran akan terpakai sehingga anda mengurangkan jumlah tertunggak anda kurang dari tiga (3) bulan, di mana kadar keuntungan asal akan terpakai semula. Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran keseluruhan melebihi Harga Jualan Bank.</p>

8. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA MEMBUAT PENYELESAIAN SEPENUHNYA KE ATAS PEMBIAYAAN INI SEBELUM TARIKH IA MATANG?

Pihak Bank akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- (a) Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal;
- (b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala);
- (c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- (d) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank.

Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan ansuran kemudahan pembiayaan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:

Baki Harga Jualan	Tolak	Baki Kemudahan	Tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
----------------------	-------	-------------------	-------	--

Anda boleh merujuk laman web kami di www.maybank2u.com.my untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula *Ibra'*.

9. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN CAGARAN?

Anda mungkin perlu menyediakan cagaran seperti saham deposit dengan Maybank Investment Bank.

10. APAKAH RISIKO YANG TERLIBAT?

Oleh kerana kadar keuntungan berkesan daripada produk ini berdasarkan penerimaan kepada kadar asas standard (SBR), peningkatan dalam kadar keuntungan berkesan akan menyebabkan bayaran bulanan yang lebih tinggi. Kita boleh mengeluarkan kaunter dari senarai layak pelaburan kami. Jika ini berlaku, ia boleh menyebabkan panggilan margin. Anda harus berhati-hati mempertimbangkan matlamat pelaburan peribadi anda, situasi kewangan anda dan toleransi anda untuk risiko sebelum mengikuti pelaburan/strategi perdagangan kerana terdapat potensi kerugian modal dan cagaran yang dicagarkan kepada pergerakan pasaran/kaunter. Penggunaan dana pinjaman boleh membawa kepada kerugian serta keuntungan.

11. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT?

Anda boleh memilih untuk penyerahan komoditi secara fizikal, tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan komoditi tersebut secara fizikal perlu ditanggung oleh anda.

12. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami mengenai sebarang perubahan maklumat supaya anda menerima semua surat-menyurat daripada pihak kami tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat anda, sila hubungi Pengurus Bahagian Pelaburan/Dealer/Remiser anda.

13. DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT?

- Jika anda memerlukan bantuan atau maklumat lebih lanjut. Sila hubungi Pengurus Bahagian Pelaburan/Dealer/Remiser anda:

**Sila cop nama dan Pusat
EIC/Cawangan disini**

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat mana-mana bayaran lebih atau tertunggak yang kena dibayar kepada pihak Bank, anda harus menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pilihan-pilihan yang ada. Kami boleh dihubungi di: -

Dataran Maybank
No. 1 Jalan Maarof
59000, Bangsar,
Kuala Lumpur, Malaysia
Call Centre Tel No : 1300 22 3888
Website : <http://www.maybank2u.com.my/>

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :



Tingkat 5 dan 6
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Laman Web: www.akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Maybank
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Talian Utama: 03-20748075
Emel: cfm@maybank.com.my

- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Emel : bnmtelexlink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PEMBIAYAAN TAWARAN AWAM AWAL (IPO)/ SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA (ESOS)-i MAYBANK ISLAMIC ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Ogos 2023.